

Korean Wave di Malaysia Semasa Pandemik COVID-19: Impak dan Persepsi

Nur Shamimi Aida Binti Badrul Hisham
Mohd Syuhaidi Abu Bakar*
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

*Emel perhubungan: syuhaidi@uitm.edu.my

Abstrak

Kajian ini telah menganalisis impak Korean Wave terhadap masyarakat Malaysia ketika pandemik COVID-19 serta persepsi masyarakat Malaysia terhadap Korean Wave ketika pandemik COVID-19. Korean Wave ini sememangnya telah menjadi fenomena sejak berdekad lalu di negara kita. Korean Wave ini bukan sahaja telah mempengaruhi dari segi hiburan di Malaysia tetapi juga telah mengubah selera masyarakat Malaysia dalam banyak hal. Antaranya, dalam industri fesyen, industri pemakanan dan industri kecantikan. Korean Wave ini telah membawa banyak impak positif dan negatif kepada masyarakat di Malaysia ketika musim pandemik COVID-19. Selain itu, Korean Wave juga telah meninggalkan persepsi yang pelbagai dalam kalangan masyarakat Malaysia. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dan telah menggunakan kaedah secara temu bual bersama 10 orang Informan di Malaysia yang terdedah kepada Korean Wave semasa pandemik COVID-19. Dapatan kajian mendapati terdapat pelbagai perspektif terhadap impak dan persepsi terhadap Korean Wave dalam masyarakat di Malaysia ketika pandemik COVID-19.

Kata Kunci: *Impak, Persepsi, Korean Wave, COVID-19*

The Korean Wave in Malaysia During the COVID-19 Pandemic: Impact and Perceptions

Abstract

This study has analyzed the impact of the Korean Wave on the Malaysian community during the COVID-19 pandemic as well as the Malaysian community's perception of the Korean Wave during the COVID-19 pandemic. The Korean Wave has become a phenomenon in our country for decades. It has influenced not only in terms of entertainment in Malaysia but has also changed the taste of Malaysian society in many ways. Among them in the fashion industry, the food industry and the beauty industry. The Korean Wave has had many positive and negative effects on society in Malaysia during the COVID-19 pandemic season. In addition, the Korean Wave has also left various perceptions among the Malaysian community. This study used a qualitative method and interviewed 10 Informants in Malaysia who were exposed to the Korean Wave during the COVID-19 pandemic. The results of the study found that there were various perspectives on the impact and perception towards Korean Wave among Malaysian society during the COVID-19 pandemic.

Keywords: *Impact, Perception, Korean Wave, COVID-19*

Pengenalan dan Pemasalahan Kajian

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), impak bermaksud kesan yang ketara atau sesuatu perbuatan yang meninggalkan dampak. Persepsi pula boleh didefinisikan sebagai gambaran atau bayangan yang terdapat di dalam hati atau fikiran seseorang. Persepsi juga merupakan sebuah pandangan dari seseorang individu tersebut tentang hal-hal di sekelilingnya (Educalingo, t.t). Mengikut Suyud (2019), perkataan Wave atau dalam Bahasa Melayu iaitu gelombang memberi maksud sebagai suatu jenis gangguan yang bergerak maju dalam bentuk yang seragam dengan bahagian-bahagiannya yang digerakkan mengalami osilasi ganda atau pola yang serupa.

Korean Wave atau "Hallyu" pula menandakan populariti global hiburan dan budaya dari Korea Selatan, yang bermula sejak 1990-an. Tidak seperti aliran budaya lain yang selalunya sehalal dan hanya mengeksport kandungan budaya mereka ke pasaran luar negara, Korean Wave adalah sesuatu yang lebih unik dalam erti kata lain ianya mampu berkembang dan mendapat pencapaian sejauh ini berdasarkan interaksi dua hala. The Korean Wave mampu meraih populariti sebanyak ini

kerana interaksi dua hala dalam kalangan peminat global termasuk di Malaysia dan akhirnya mampu membawa impak positif kepada kedua-dua negara (South Korea may set up cultural centre in Malaysia, Oktober 2022).

COVID-19 ataupun Coronavirus merupakan satu jangkitan virus yang boleh menyebabkan beberapa jenis penyakit seperti batuk selsema biasa atau penyakit-penyakit yang lebih teruk seperti radang paru-paru dan Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS). Mengikut Kronologi Pelaksanaan Fasa PKP (2021), disebabkan wabak yang terus mencapai angka jangkitan yang tinggi sehingga sukar untuk dikawal, kerajaan Malaysia telah mengarahkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada tarikh 18 Mac 2020. Kawalan pergerakan ini telah dilakukan dalam banyak fasa sehingga jumlah angka jangkitan dalam negara berada dalam keadaan stabil dan terkawal. Sepanjang kawalan pergerakan itu dilaksanakan, rakyat Malaysia tidak dibenarkan keluar daripada premis tempat tinggal tanpa sebab tertentu. Hal ini menyebabkan, sepanjang waktu pandemik ini berlangsung, rakyat Malaysia telah meluangkan kebanyakan masa mereka di rumah dan menonton hiburan seperti bahan-bahan di sosial media, televisyen dan alatan eletronik yang lain.

Korean Wave atau budaya pop Korea telah mendapat permintaan yang tinggi sepanjang masa. Salah satunya melalui siri televisyen seperti di aplikasi Netflix, iaitu *Squid Game* (2021), filem pemenang anugerah Oscar seperti *Parasite* (2019) dan bintang K-Pop seperti BTS (Bangtan Sonyeondan) dan Blackpink mendominasi hiburan di seluruh dunia. Namun begitu, dengan kemunculan pandemik COVID-19, Korean Wave ini semakin kuat dan lebih meluas sehingga ia bukan lagi sesuatu yang khusus. Mereka juga telah mengukuhkan tempat mereka di pelbagai industri. Disebabkan orang ramai terperangkap di rumah, hal ini menyebabkan mereka mempunyai lebih banyak masa untuk menonton hiburan digital dan akses kepada filem dan muzik Korea. Oleh hal yang demikian, boleh dikatakan seperti 'sambil menyelam minum air' kerana ketika dunia dilanda wabak, semua masyarakat terpaksa membiasakan diri dengan rutin baharu ketika pandemik. Namun begitu, bagi sisi lain, masalah ini telah mempercepatkan globalisasi industri pemasaran lebih-lebih lagi dalam industri hiburan (Gibson, 2021).

Seiring waktu berjalan, drama Korea semakin popular dalam kalangan masyarakat di Malaysia tanpa mengira peringkat umur, jantina dan bangsa. Namun begitu, drama Korea yang sering ditonton oleh orang

ramai ini sedikit sebanyak akan memberi impak kepada penontonnya dan menimbulkan pelbagai persepsi dalam kalangan masyarakat.

Antaranya, Korean Wave memberi impak kepada tingkah laku dan pembentukan jati diri kepada khalayak yang terlibat dengannya. Ketika perbahasan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) di Dewan Negara, satu topik mengenai impak dari penontonan drama Korea terhadap masyarakat di Malaysia telah dibangkitkan oleh Senator Mohd Apandi Mohamad. Beliau mengetengahkan tentang kes bunuh diri yang semakin meningkat di negara ini yang banyak melibatkan golongan remaja. Beliau juga berkata bahawa kecenderungan bunuh diri ini disebabkan mereka terpengaruh dengan drama Korea. Menurut beliau kebanyakan drama Korea telah memaparkan elemen bunuh diri sekiranya gagal dalam kehidupan (Yusmizal Dolah Aling, 2021).

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk meneroka impak dan persepsi masyarakat di Malaysia terhadap Korean Wave ketika pandemik COVID-19 melanda negara.

Tinjauan Literatur

a. Sejarah Kemasukan Korean Wave dan Pandemik COVID-19 di Malaysia

Menurut pemahaman penulis, Hallyu Wave atau Korean Wave adalah istilah yang diberikan untuk menyebarkan budaya pop Korea secara global di peringkat antarabangsa. Banyak faktor yang menyumbang kepada kejayaan Hallyu. Budaya popular Korea menggabungkan secara kreatif nilai barat dan Asia demi menghasilkan satu corak budaya Korea yang menjadi model budaya dan ekonomi terkemuka untuk diikuti dan diminati. Kesannya, Hallyu Wave ini telah menyebabkan banyak orang di negara yang tersebar dengan gelombang ini untuk mempelajari bahasa dan kebudayaan Korea.

Pada tahun 2020, satu ancaman besar terhadap kesihatan awam telah menawan dunia termasuk Malaysia. Wabak Coronavirus (SARS-CoV-2) muncul pada Disember 2019 dari Bandar Wuhan, Wilayah Hubei, China dan merebak ke seluruh dunia. Penyakit ini dinamakan COVID-19 oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Sehingga 17 April 2020 kira-kira 2,230,439 kes COVID-19; 150,810 kes kematian dan 564,210 kes pulih telah dilaporkan di seluruh dunia. Wabak COVID-19 dari perspektif

Malaysia dan penjagaan kesihatan mental semasa wabak COVID-19 telah diterokai (Elengoe, 2020).

b. Impak Korean Wave Terhadap Masyarakat Malaysia Ketika Pandemik COVID-19

Kajian yang dijalankan oleh Sitti Zulaeha dan Nurhikmah Paddiyatu (2022) menunjukkan impak negatif yang ketara terhadap peminat drama Korea yang merupakan sebahagian daripada Korean Wave, dan perubahan watak serta tingkah laku terhadap seseorang individu tersebut seperti melengah-lengahkan aktiviti ibadah, mengabaikan tugas daripada pensyarah, menonton drama Korea sehingga lewat malam, dan ketaksuban yang mempengaruhi perubahan dalam kehidupan seharian.

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), ketaksuban bermaksud sesuatu pegangan yang kuat atau keyakinan yang keterlaluan terhadap sesuatu perkara atau satu sosok individu sehingga menyebabkan dirinya menjadi seorang yang fanatik. Oleh itu, penulis merasakan, usaha menerapkan nilai-nilai Islam kepada pelajar yang ketagih dengan Korean Wave adalah sesuatu yang wajar bagi mengelakkan ketaksuban yang berlebihan, iaitu dengan menerapkan ajaran-ajaran Islam seperti penerapan akidah, ibadah, dan akhlak.

Selain itu, menurut Pha dan Lhe (2022), Korean Wave ini juga memberikan impak negatif kepada remaja iaitu apabila wujudnya peralihan budaya secara beransur-ansur di sesuatu pertempatan tersebut, dan remaja-remaja ini akan semakin lupa akan budaya sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada zaman ini media mempunyai pengaruh yang sangat hebat dalam mempengaruhi kehidupan masyarakat. Masyarakat pada masa kini gemar untuk mengikut trend perkembangan semasa yang sehingga boleh mempengaruhi batas pergaulan mereka dan akhirnya terbabas dari kehidupan yang sepatutnya (Zaleha Yaacob, 2010).

c. Persepsi Masyarakat Malaysia terhadap Korean Wave ketika Pandemik COVID-19

Kira-kira lima belas tahun yang lalu, Korean Wave telah menyebabkan Malaysia telah terdedah kepada pelbagai siri drama Korea yang terkenal di seluruh dunia. Hal ini telah memberi impak terhadap rakyat Malaysia

dengan menyebabkan mereka terpengaruh ke arah makanan, kecantikan, muzik dan fesyen dari negara Korea Selatan itu di mana industri dan perniagaan makanan berasaskan makanan Korea ini telah mengambil kesempatan dan menyebarkan akarnya di Malaysia untuk memperoleh kejayaan selanjutnya. Beberapa kajian mengesahkan bahawa rakyat Malaysia menyukai makanan Korea dan lebih mengemari makanan Korea tersebut berbanding makanan etnik lain di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana pertambahan penduduk Korea Selatan di Malaysia menyebabkan masyarakat Malaysia dan penduduk setempat terpengaruh dan tertarik terhadap masakan dan warisan Korea. Oleh hal yang demikian, kini Malaysia telah dianggap sebagai rumah kedua bagi perniagaan makanan Korea. Minat yang semakin meningkat ini akhirnya telah berakar umbi daripada persepsi dan pilihan pelanggan setempat (Chee & Rashad, 2021).

Menurut Pha dan Lhe (2022), dalam hal ini, filem dan drama Korea telah menyebarkan budaya dengan sangat pesat melalui anak muda dan merangkumi etika berpakaian, tingkah laku, personaliti, emosi dan beberapa aspek lain. Ini memberi kesan positif dan negatif kepada sesebuah negara lebih-lebih lagi terhadap pembentukan jati diri seseorang. Selain itu, filem dan drama banyak mengandungi elemen-elemen yang dapat mempengaruhi emosi dan psikologi seseorang walaupun hanya melalui pemerhatian, pergerakan dan ilusi imej. Setiap penghasilan sesebuah filem atau drama pasti akan mempengaruhi emosi dan tekanan dalam kalangan penonton supaya mereka dapat memahami dan menjiwai sesuatu penceritaan tersebut (Norinawati Kamarulzaman, 2007).

Kaedah Kajian

Kajian yang telah dijalankan adalah berbentuk kualitatif dan telah menggunakan kaedah temubual. Seramai 10 orang informan telah ditemubual untuk meneroka impak Korean Wave terhadap masyarakat di Malaysia ketika pandemik COVID-19 serta meneroka persepsi masyarakat Malaysia terhadap Korean Wave ketika pandemik COVID-19. Setiap data yang diperolehi telah dianalisa dan tema-tema telah dikeluarkan untuk memperoleh kepelbagaian perspektif.

Creswell (1998) telah mengesyorkan 10 informan sahaja untuk sesuatu kajian yang berbentuk temu bual dan pengumpulan data akan dihentikan setelah data mencapai tahap ketepuan. Manakala menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), kaedah kajian kualitatif adalah penyelidikan yang mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan

penyelidikan kuantitatif. Latar belakang informan yang dikaji terdiri daripada banyak jenis kumpulan, antaranya ialah pelajar universiti awam, suri rumah, pekerja swasta dan lain-lain. Informan ini diambil dalam lingkungan umur 18 tahun sehingga umur 51 tahun. Selain itu, informan yang dipilih juga terdiri daripada kumpulan masyarakat yang telah terdedah kepada Korean Wave ketika pandemik COVID-19 di Malaysia. Rakyat Malaysia yang tidak terkesan dengan Korean Wave ketika pandemik tidak digunakan sebagai informan dalam kajian ini. Tema-tema untuk kajian ini diwujudkan secara manual tanpa menggunakan sebarang perisian untuk data kualitatif. Data yang perolehi telah ditranskrib secara verbatim dan kemudian tema-tema dapatan kajian telah diwujudkan dan dipersembahkan sebagai dapatan kajian.

Dapatan Kajian

a. Impak Korean Wave ketika Pandemik COVID-19 kepada Rakyat Malaysia

Ketagihan dan Ketaksuban

Menurut Informan 3 dan Informan 4, mereka bersetuju bahawa Korean Wave ketika pandemik COVID-19 memberi impak kepada ketagihan dan ketaksuban tetapi Informan 3 menyatakan bahawa ketagihan itu masih boleh dikawal dan dijadikan sebagai mengisi masa lapang ketika pandemik. Informan 4 pula menyatakan bahawa selepas pandemik COVID-19 berakhir, ketagihan itu beransur pulih dan jadual kehidupannya telah berubah seperti sedia kala.

Melupakan Budaya Sendiri

Informan 9 bersetuju bahawa Korean Wave ketika pandemik COVID-19 telah menyebabkan dirinya melupakan budaya sendiri. Informan 9 menyatakan bahawa beliau mula makan menggunakan penyepit kayu atau chopstick selepas terdedah kepada Korean Wave ketika pandemik COVID-19.

Terdedah kepada Adegan seperti Seksual, Elemen Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT) dan Juga Aksi-Aksi Keganasan

Informan 1, Informan 2 dan Informan 4 menyatakan bahawa mereka terdedah kepada adegan seperti seksual, elemen lesbian, gay, bisexual & transgender (LGBT) dan juga aksi-aksi keganasan kerana rata-rata K-

Drama dan filem Korea yang dikeluarkan semasa pandemik COVID-19 mempunyai adegan-adegan yang mengandungi elemen-elemen seksual, LGBT dan aksi-aksi keganasan. Oleh yang demikian mereka terdedah kepada hal tersebut selepas menonton K-Drama dan filem Korea yang dikeluarkan oleh produser Korea. Informan 4 juga menyatakan bahawa aplikasi Netflix merupakan salah satu pengeluar K-Drama yang adegannya tidak ditapis kandungannya.

Sikap Metroseksual Terhadap Produk Dandanan Korea

Informan 1, Informan 4, Informan 5 dan Informan 8 menyatakan bahawa sikap metroseksual terhadap produk dandanan Korea dan juga cara penggunaannya ini wujud kerana kebanyakan artis korea yang dipaparkan dalam drama Korea menampilkan cara pemakaian yang sangat bergaya, kemas dan menggunakan pakaian yang mempunyai kualiti yang tinggi sehingga menarik minat penonton atau peminat untuk berpakaian seperti artis atau penyanyi Korea kerana selebriti di negara tersebut sering membawa imej seperti seorang manusia yang 'sempurna'.

Pemilihan Fesyen dan Kosmetik

Lapan dari 10 Informan bersetuju bahawa Korean Wave ketika pandemik COVID-19 telah menyebabkan terdapat perubahan pemilihan fesyen dan kosmetik kepada diri mereka. Informan 2, Informan 6, Informan 7 menyatakan bahawa mereka sering melihat dan mengikut cara pemakaian artis dan selebriti korea yang mereka tampil di dalam K-Drama. Manakala Informan 3 dan Informan 4 menyatakan bahawa mereka sering terikut gaya rambut dan cara pemakaian artis lelaki Korea untuk bergaya.

b. Persepsi Rakyat Malaysia Terhadap Korean Wave Semasa Pandemik COVID-19 Di Malaysia

Makanan Korea Semakin Popular

Rata-rata informan menyetujui bahawa makanan Korea telah menjadi semakin popular di negara kita ketika pandemik COVID-19. Informan 10 menyatakan semasa pandemik, masyarakat hanya menghabiskan masa mereka di rumah dan banyak melayari sosial media. Disebabkan sifat sosial media yang menyebarkan berita tanpa jangkauan menyebabkan berita di Korea boleh sampai di negara kita. Contoh seperti satu kandungan kreatif dari Korea yang berkongsi resepi dalgona coffee, dan

resepi itu tersebar luas sehingga resepi itu viral di Malaysia dan menyebabkan semua orang cuba untuk membuat dan merakam momen-momen mereka menyediakan resepi minuman itu.

Menjejaskan Etika Pemakaian, Tingkah Laku, Personaliti, dan Emosi

Informan 1 dan Informan 7 menyatakan bahawa anak muda masa kini terlalu obses terhadap dunia fesyen Korea sehingga menjejaskan identiti masyarakat Malaysia sendiri. Informan 7 juga menyatakan ramai kini anak muda yang terlalu obses dengan masyarakat serta budaya Korea sehingga sanggup memasuki kelas Bahasa Korea untuk mempelajari Bahasa Korea tersebut.

Selain itu, Informan 2, Informan 8 dan Informan 9 memberitahu bahawa sikap senang terikut-ikut dengan media yang ditayangkan seperti di dalam K-Drama dan melihat beberapa influencer tempatan yang telah terjejas dari segi etika pemakaian dan tingkah laku telah menjadi punca kepada masalah ini.

Informan 10 pula menyatakan bahawa sikap ingin tahu yang mendalam di dalam jiwa anak muda masa kini menjadi punca kepada etika pemakaian mereka selepas melihat artis-artis K-Pop berpakaian semasa di atas pentas. Namun begitu Korean Wave ini turut memberi kesan positif kepada masyarakat, seperti yang dikatakan oleh Informan 10, Korean Wave ini juga mampu membantu pesakit yang mempunyai masalah kesihatan mental untuk terus berjuang dalam melawan penyakit mereka.

Mencungkil Bakat Anak Muda

Lapan dari sepuluh orang Informan telah bersetuju bahawa Korean Wave ketika pandemik COVID-19 telah membantu mencungkil banyak bakat anak muda di negara kita. Informan 5, Informan 6, dan Informan 8 menyatakan banyak anak-anak muda yang mengikut dance challenge mengikut tarian dari setiap lagu K-Pop yang dikeluarkan. Bukan hanya dance challenge, Informan 8 menyatakan terdapat juga anak muda yang membuat content yang mengandungi K-Pop cover vocal, dan membuat lakonan semula adegan-adegan yang terdapat dalam K-Drama atau filem Korea dan memuatnaik di laman media sosial mereka. Informan 7 juga berkata Malaysia juga telah menubuhkan kumpulan nyanyian persis seperti kumpulan artis Korea.

Pemilihan Restoran Korea

Semua Informan bersetuju bahawa Korean Wave ketika pandemik COVID-19 telah mempengaruhi pemilihan restoran Korea di negara kita. Informan 1, Informan 2, dan Informan 3 mengatakan bahawa selepas pandemik COVID-19 terdapat banyak restoran-restoran Korea yang baru dibuka seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Bukan hanya restoran Korea, terdapat juga kedai serbaneka Korea yang menjual makanan Korea baru dibuka selepas tamat pandemik COVID-19 iaitu CU Mart. Informan 6, Informan 7 dan Informan 9 menyatakan mereka terpengaruh dengan ulasan dari influencer tempatan mengenai restoran Korea yang terdapat di Malaysia. Selain itu, Informan 10 juga menyatakan bahawa suasana dan cara hidangan makanan yang terdapat di restoran-restoran Korea ini telah menarik perhatian masyarakat kerana caranya yang berbeza dengan restoran lain yang terdapat di Malaysia.

Kesimpulan

Secara imbas kembali, ketika pandemik COVID-19 berlaku, semua masyarakat terpaksa menetap di premis masing-masing tanpa terlibat dengan mana-mana aktiviti luar. Hal ini menyebabkan masyarakat terhubung melalui berbagai platform untuk berkongsi pendapat dan meluangkan masa bagi menghilangkan rasa bosan mereka di rumah. Di sinilah Korean Wave ini tersebar dan dapat memberi impak serta meninggalkan persepsi mengenai Korean Wave semasa pandemik COVID-19 di Malaysia. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa Korean Wave ketika pandemik COVID-19 di Malaysia telah meninggalkan pelbagai impak dan persepsi kepada masyarakat di negara ini. Kajian ini secara implikasinya juga telah menambah nilai dalam kajian berkaitan Korean Wave yang boleh terus dilakukan di Malaysia. Pengaruh Korean Wave ini dilihat akan berterusan untuk masa akan datang jadi kajian seperti ini akan kekal relevan untuk dirujuk dari masa ke semasa. Kajian ini telah dijalankan secara kualitatif dan merekodkan data daripada 10 orang informan dalam kalangan rakyat Malaysia. Kajian ini mencadangkan agar lebih banyak kajian mengenai Korean Wave dijalankan dalam bentuk kuantitatif di Malaysia.

Rujukan

Chee, J. W., & Rashad Yazdanifard. (2021). The influence of customer perception in selection of Korean restaurant in Malaysia. *International Journal of Management, Accounting & Economics*, 8(2), 114-121. <https://www.researchgate.net/publication/352551136>

- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Sage publications.
<https://us.sagepub.com/en-us/nam/qualitative-inquiry-and-research-design/book246896>
- Educalingo. (t.t.). Definisi persepsi dalam kamus Melayu.
<https://educalingo.com/ms/dic-ms/persepsi>
- Elengoe, A. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia. *Osong public health and research perspectives*, 11(3), 93-100.
<https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC7258884/>
- Gibson, D. (2021, Oktober 27). Hallyu to the world: The incredible rise of Korean culture. *The Drum*.
<https://www.thedrum.com/news/2021/10/27/hallyu-the-world-the-incredible-rise-korean-culture>
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri*, 1(2012), 28-29. <https://www.researchgate.net/publication/293097563>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). *Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Kronologi Pelaksanaan Fasa PKP. (2021, Januari 12). *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/775155/kronologi-pelaksanaan-fasa-pkp>
- Norinawati Kamarulzaman. (2007). *Bagaimana filem menyampaikan kesan psikologi seorang watak terhadap penonton [Tesis sarjana muda yang tidak diterbitkan, Universiti Malaysia Sarawak]*. UNIMAS Institutional Repository. <https://ir.unimas.my/id/eprint/16951/>
- Pha, M. L., & Lhe, P. Q. (2022). The point of view of spreading the culture and habits of young people through Korean drama films. *Journal of Asian multicultural research for social sciences study*, 3(1), 7-14.
<http://amrsjournals.com/index.php/jamrsss/article/view/225>
- Sitti Zulaeha & Nurhikmah Paddiyatu. (2022). The Influence Of Korean Culture That Scrape Islamic Values In Students. *Jurnal Penelitian Agama Dan Sosial Budaya*, 28(1), 102-107.
<http://dx.doi.org/10.31969/alq.v28i1.1026>

South Korea may set up cultural centre in Malaysia. (2022, Oktober 2). The Star. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/10/03/south-korea-may-set-up-cultural-centre-in-malaysia>

Suyud. (2019, Mac 13). Wave Adalah: Pengertian, Arti dan Definisinya. Depkes.org. <https://www.depkes.org/blog/wave/>

Yusmizal Dolah Aling. (2021 Oktober 13). Parlimen: Pengaruh drama Korea Antara Punca Remaja Bunuh Diri. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/10/765821/parlimen-pengaruh-drama-korea-antara-punca-remaja-bunuh-diri-metrotv>

Zaleha Yaacob. (2010). Pengaruh keganasan dalam media terhadap tingkah laku agresif remaja [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia]. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository. <http://eprints.utm.my/id/eprint/28729/>